

# Dekati masyarakat sebelum perlawanan

**NILAI** - Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil inisiatif untuk mendekati orang ramai yang bertandang ke stadium pada setiap perlawanan Liga Super 2015 membabitkan pasukan kendalian mereka.

Pengarah Jabatan

Pencegahan Jenayah Keselamatan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman, Komisioner Datuk Acryl Sani Abdullah Sani berkata, ini peluang terbaik memandangkan kebanyakan peminat dalam golongan belia.

"Kita sudah keluarkan

arahan kepada JPJKK setiap negeri untuk melaksanakan usaha ini pada perlawanan yang melibatkan skuad PDRM.

"Polis mengambil masa kira-kira dua jam sebelum sepak mula untuk bertemu peminat di luar stadium bagi mengedarkan risalah kesedaran dan memberi penerangan berkaitan isu semasa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri pelancaran Karnival Pencegahan Jenayah 2015 peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) di Dewan Besar Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), di sini, petang semalam.

Menurut beliau, langkah tersebut tidak mustahil untuk dijayakan kerana pasukan dibimbing Azman Adnan diterima peminat dari semua negeri, setakat ini.



**Acryl Sani (tengah) beramah mesra dengan peserta program, semalam.**